

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, October 23, 2019 2:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tauke Sintokyo Sushi Contoh Usahawan Kampus Berjaya



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 OKTOBER 2019 / 24 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TAUKE SINTOKYO SUSHI CONTOH USAHAWAN KAMPUS BERJAYA



UUM ONLINE: Kehilangan bapa tersayang merupakan satu tamparan hebat dan tidak sanggup melihat kesusahan ibu membesarkan enam orang anak bersendirian telah mendorong Siti Norliana Noordin untuk berniaga secara kecil-kecilan.

Di sana mesra sebagai Liana bersama kembarnya, Siti Norlina membuang jauh perasaan malu dengan menjual nasi lemak dan kuih-muih sejak di bangku sekolah lagi untuk membantu ibu tersayang, Jamaliah Abdullah menyara keluarga demi sesuap nasi.

Siapa sangka 11 tahun kemudian, gadis ini mula berminat dalam bidang perniagaan yang telah sebatih dalam hidupnya sehingga berjaya mengasaskan SINTOKYO Sushi yang popular di Universiti Utara Malaysia (UUM).

SINTOKYO Sushi merupakan perniagaan yang menjual pelbagai jenis sushi halal berperisa tempatan seperti kimbap dan tempura udang yang diusahakan pelajar UUM sejak 2017.

Liana berkata, dia tidak pernah terlintas untuk memulakan perniagaan kecilan menjual sushi itu memandangkan dia sendiri tidak makan makanan berasal dari Jepun itu.

Namun, menurutnya, dia mendapat idea untuk membuat sushi mengikut selera orang Malaysia seperti menyediakan sushi serunding dan rendang yang mana akhirnya mendapat permintaan tinggi.

“Saya belajar menyediakan sushi melalui Youtube dan menjadi satu cabaran ketika hendak mengolah resepi agar sesuai dengan tekak orang kita kerana tidak ramai masyarakat yang gemar makan makanan mentah ini, jadi kami mencari pelbagai idea kreatif dan uji cuba untuk mendapat resepi terbaik dan disukai ramai,” kata graduan Sarjana Muda Pengurusan Awam itu selepas menghadiri sesi keenam Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM.

Liana berkata, pada mulanya perniagaan yang dijalankan sekadar untuk memenuhi tugas projek perniagaan yang diberikan pensyarah bagi kursus Pengurusan Jaringan Usahawan dan kursus Gelagat dan Kemahiran keusahawanan.

Menurutnya, setelah mendapat sambutan baik daripada pelanggan, dia dan rakan kongsi, Nurul Husna Md Zahir mengambil keputusan meneruskan perniagaan tersebut bagi menjana pendapatan secara tetap.

Menguruskan perniagaan semasa belajar memerlukan semangat juang yang tinggi dari aspek menguruskan masa dengan teratur, memiliki ketahanan mental dan tidak mudah berputus asa.

Kata Liana, sebagai pelajar dia perlu bijak membahagikan masa dengan sebaik mungkin antara pelajaran dan perniagaan, mengorbankan masa rehat dan adakalanya tidur dua jam sehari untuk menyelesaikan tugas kerana waktu siang sibuk menguruskan perniagaan dan kelas.

“Untuk sentiasa bersemangat, saya selalu letakkan niat berniaga *Lillahitaala* demi membantu keluarga, di samping memberi peluang pekerjaan kepada pelajar UUM mencari duit poket.

“Di saat saya hilang semangat atau kecewa, saya akan ingat semula niat itu dan terbayang wajah ibu yang menjadi pendorong untuk terus bangkit berjuang,” katanya.

Liana berkata, dia bersyukur dapat menamatkan pelajaran setelah menempuh pelbagai cabaran dan berharap pelajar lain dapat bergiat aktif dalam keusahawanan ke arah melahirkan lebih ramai usahawan siswa yang mencipta karya bukannya mencari kerja.

SINTOKYO Sushi juga mula menempa kejayaan antaranya menerima Anugerah Perak pada Persidangan dan Expo Antarabangsa Ciptaan Institut Pengajian Tinggi (PECIPTA) 2019, disenaraikan sebagai Top 10 Program Superb Teraju Higher Education Kementerian Pendidikan Tinggi dan memenangi dana RM50,000 selain tercalon dalam Top 10 Malaysian Entrepreneurship Award 2018 (MEA 2018).

Mentor, Dr. Armanurah Mohamad berkata, tiga tahun lalu beliau nampak kesungguhan dua pelajar di dalam kelasnya iaitu Siti Norliana dan Nurul Husna Md Zahir yang mempunyai ciri-ciri usahawan untuk mengkomersilkan sushi.

Menurutnya, Liana pelajar minoring bidang keusahawanan seorang gadis pemalu dan kurang keyakinan diri tetapi minat terhadap perniagaan sushi sangat tinggi walaupun pada ketika itu ada suara-suara sumbang mengatakan perniagaan itu tidak boleh pergi jauh, justeru beliau memberi kata semangat kepada Liana untuk menerokai minatnya.

“Bermula dengan pengalaman keusahawanan secara *hands-on* seperti membuat tinjauan pasaran, bimbingan dan latihan, mereka mula rasa seronok sebab perniagaan mereka semakin mendapat perhatian.

“Mereka berdua gigih menyertai pelbagai aktiviti keusahawanan khususnya seperti Program Usahawan Francais Siswazah (PUFS), projek Dana Kementerian Pengajian Tinggi di bawah CEDI, sekali gus menyerlahkan potensi, bakat dan kemahiran keusahawanan mereka.

“Hasil kejayaan daripada projek SINTOKYO, pelajar mampu memulakan perniagaan sendiri dalam kampus dan bekerja yang memupuk minat menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan selain membantu SINTOKYO membina reputasi perniagaan, meningkatkan pasaran dan jualan,” katanya.

Dr. Armanurah berkata, universiti perlu berusaha melahirkan graduan yang menjadi *job creator* dan boleh memberi sumbangan kepada negara dengan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat.

“Semoga ramai lagi pelajar dilatih oleh pensyarah dan CEDI untuk menjadi usahawan kampus seterusnya mendaftarkan perniagaan serta melindungi harta intelek perniagaan yang dibangunkan.

“Pengalaman keusahawanan secara *hands-on* yang dilalui oleh pelajar dalam projek Usahawan Kampus adalah aset *soft skills* yang sangat berharga. Semoga SINTOKYO terus bersinar dan dapat melebarkan sayap ke peringkat yang lebih luas,” katanya.

Melalui bimbingan Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), SINTOKYO telah mendapat perlindungan harta intelek (copyright) selepas berjaya mendaftar di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.